

Pahang, Terengganu runding harga bekalan air terawat



Kuantan: Kerajaan Pahang dan Terengganu memperhalusi rundingan harga bekalan air terawat dari Kemaman ke Gebeng, yang dijangka dapat memperkukuhkan tarikan pelabur dan menjamin keperluan air kawasan industri.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, projek strategik ini berpotensi meningkatkan kapasiti bekalan air sehingga 115 juta liter sehari, sekaligus memastikan keperluan industri dan komuniti dipenuhi tanpa gangguan.

Beliau turut menekankan kerajaan Pahang berunding dengan Terengganu untuk mencapai persetujuan harga bekalan air yang wajar demi manfaat bersama kedua-dua negeri.

Katanya, perbincangan dilakukan antara kerajaan Pahang, Terengganu, Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dan Syarikat Air Terengganu (SATU).

"Kerajaan Terengganu mencadangkan harga RM1.40 per meter padu, tetapi kita meminta harga lebih rendah. Terpulang kepada pertimbangan kerajaan Terengganu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyerahan Projek Paip Agihan Air dari Kemaman ke Gebeng bersama Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar di Rumah Pam Penggalak Gebeng di sini, hari ini.

Sementara itu, Ahmad Samsuri berkata, projek itu inisiatif strategik untuk Terengganu berkongsi sumber dengan Pahang demi pembangunan bersama.

"Dengan saluran paip air bersih ini, ia akan menyokong pertumbuhan dan keterjaminan bekalan air untuk kawasan industri di Gebeng," katanya.